

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, November 18, 2019 8:28 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pegawai Perlu Berubah Untuk Melonjakkan Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 NOVEMBER 2019 / 21 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PEGAWAI PERLU BERUBAH UNTUK MELONJAKKAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: "UUM sudah menginjak usia 35 tahun justeru pelbagai perubahan perlu dilakukan supaya segala perancangan yang dibuat akan melonjakkan nama Universiti.

"Antaranya cara bekerja perlu berubah ke arah digital, berdisiplin, keluar dari zon selesa, bekerja dengan cekap dan berintegriti."

Demikian pesanan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Perjumpaan Naib Canselor Dengan Pegawai Tadbir Universiti Utara Malaysia yang berlangsung di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia & Komunikasi (SMMTC) UUM.

Berucap pada majlis itu, beliau berkata, pertemuan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat tentang perkembangan terkini Universiti serta bertukar-tukar idea untuk bersama-masa membangunkan Universiti ini.

“Jabatan Pendaftar perlu lebih fokus supaya setiap orang dibekalkan dengan portfolio yang tepat dan dinilai dengan bidang tugas masing-masing, pegawai perlu kemaskini dan jelas dengan senarai tugas masing-masing untuk memastikan segala yang dirancang berjalan dengan lancar.

“Penambahan nilai setiap portfolio amat penting kerana saya percaya setiap input yang baik akan menghasilkan output yang baik,” ujarnya pada program anjuran Jabatan Pendaftar.

Beliau menyeru para pegawai menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dan menggunakan masa bekerja dengan jujur serta berintegriti supaya memperoleh keberkatan dalam pekerjaan.

“Jaga disiplin dengan baik tanpa menggunakan masa pejabat untuk urusan peribadi yang seterusnya akan dilihat dan dicontohi oleh staf yang lain.

“Jangan buang masa dengan melepak di cafe, *punch in* kemudian hilang atau balik rumah untuk urus keluarga ketika waktu pejabat jadi staf perlu bijak uruskan masa.

“Ramai staf yang menyalahguna perkhidmatan media sosial seperti Twitter, Instagram dan facebook lebih menyedihkan mereka mengutuk kawan-kawan sepatutnya kita menulis idea yang lebih konstruktif yang boleh diambil sebagai cadangan,” luahnya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.